

<b>Headline</b>	<b>Elak aktiviti riadah di FRIM ketika</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>27 Oct 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Circulation</b>	<b>178,211</b>
<b>Page No</b>	<b>L-27</b>	<b>Readership</b>	<b>534,633</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>128 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,530</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 7,589</b>



## Elak aktiviti riadah di FRIM ketika

**KUALA LUMPUR 26 Okt.**

- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) meminta orang ramai supaya tidak menjalankan aktiviti riadah di kawasan FRIM di Kepong atau hutan lain sekiranya hujan sebagai langkah keselamatan.

Ketua Unit Komunikasi Korporatnya, Norhayati Nordin berkata, FRIM bercadang untuk menutup beberapa denai di dalam kampus FRIM termasuk 'Denai Rover' pada tahun hadapan bagi melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan keadaan pokok-pokok di sepanjang denai itu.

"Sesetengah pokok di kawasan itu amat besar dan berusia hampir 100 tahun. Beberapa kejadian pokok tumbang di dalam kampus FRIM baru-baru ini juga telah menimbulkan kebimbangan pihak pengurusan.

"Demi keselamatan pengunjung dan pelawat, kita mungkin akan menutup beberapa denai untuk menjalankan pemeriksaan pokok secara teliti bagi mengelak daripada berlakunya kemalangan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurut Norhayati, berdasarkan pemeriksaan tersebut, pihak akan membuat keputusan sama ada menutup 'Denai Rover' semasa musim hujan sahaja atau menutupnya terus.

"Pada masa ini pengecualian diberi kepada pengunjung yang memiliki pas dan telah membuat tempahan atau lawatan berpandu ke denai alam FRIM.

"Bagaimanapun, kami mendapati ada pengunjung yang masuk ke kawasan FRIM untuk bersenam walaupun cuaca mendung dan hujan," jelasnya.